



NOTIS PERKAPALAN MALAYSIA
MALAYSIA SHIPPING NOTICE

NPM 6/2012

JABATAN LAUT MALAYSIA

Ibu Pejabat Laut, Semenanjung Malaysia, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang.

Tel: 03-3346 7600 Fax: 03-3168 5289 E-mail: kpgr@marine.gov.my Website: <http://www.marine.gov.my>

PERJANJIAN ANAK KAPAL DAN BUKU LOG RASMI

CREW AGREEMENT AND OFFICIAL LOG BOOK

Nota kepada Pemilik Kapal, Syarikat Perkapalan, Ajen Kapal, Nakhoda Kapal dan Pelaut

Note to Ship Owners, Shipping Companies, Shipping Agent, Ship's Masters and Seafarers.

Seksyen 98, 99 dan 198 Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 dirujuk.

Sections 98, 99 and 198 of the Merchant Shipping Ordinance 1952 are referred.

Notis NPM 4/2009 dirujuk

MSN 4/2009 is referred.

Seksyen 98 Ordinan Perkapalan Saudagar (OPS) 1952 menghendaki semua kapal melebihi dua puluh lima tan mempunyai perjanjian dengan setiap pelaut yang bekerja diatas kapal tersebut. Format perjanjian adalah seperti yang ditetapkan oleh Ketua Pagarah Laut sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 99. Kaedah pelaksanaan perjanjian tersebut kini dilaksanakan secara atas talian mengikut NPM 4/2009.

2. Ajen perkapalan digalakkan untuk menggunakan satu pejabat pelabuhan bagi tujuan proses pembukaan, pertukaran dan penutupan perjanjian anak kapal secara atas talian tanpa mengira lokasi kapal. Ini adalah untuk mengelak berlaku pertindihan data dalam sistem bagi perjanjian anak kapal tersebut.

3. Syarikat perkapalan hendaklah memastikan setiap pelaut yang bekerja di atas kapal menerima satu salinan perjanjian "sign-on" yang telah ditandatangani oleh wakil syarikat atau nakhoda kapal dan pelaut itu sendiri. Keperluan yang sama bagi perjanjian "sign-off" dibuat antara pelaut dan syarikat atau wakil bagi membuktikan pelaut tersebut telah "sign-off" secara rasmi. Satu salinan perjanjian yang telah ditandatangani oleh kedua-

Section 98 of the Merchant Shipping Ordinance (MSO) 1952 requires all ships above twenty-five tons to enter into an agreement with every seafarer engaged onboard that ship. Section 99 requires the Director of Marine to prescribe the form for engagement which Notice NPM 4/2009 requires the engagement of seafarers via the Marine Department online system established since 2009.

2. Shipping agents are encouraged to utilize only one port office for commencement, crew change and termination of crew agreement via online irrespective of the location of the ship. This is to ensure that there will be no duplication of data in the system for that crew agreement.

3. Shipping companies are required to ensure that each seafarer receives a copy of the 'sign-on' agreement which shall be duly signed by the company representative or master of the ship and the seafarer himself/herself. Similarly, a 'sign-off' agreement must be entered again between the seafarer and the company or representative to show evidence that the crew has officially signed off. A copy of that agreement which has been duly signed by both parties must be retained on board

dua pihak hendaklah berada di atas kapal bagi tujuan rekod dan pemeriksaan. Contoh perjanjian “*sign-on*” dan “*sign-off*” adalah seperti di Lampiran 1.

4. Pelaut dikehendaki untuk mengemukakan bukti perjanjian “*sign-on*” dan “*sign-off*” yang rasmi bagi tujuan endorsan pada Buku Perkhidmatan Laut di pejabat pelabuhan Malaysia yang berdekatan.

5. Pelaut Malaysia yang bekerja di atas kapal bendera asing, dikehendaki untuk menunjukkan bukti perkhidmatan mereka di atas kapal bendera asing tersebut sebelum Jabatan Laut Malaysia membuat endorsan pada Buku Perkhidmatan Laut.

6. Tertakluk kepada seksyen 69 dan 70 OPS52, seksyen 198 menghendaki setiap kapal membawa Buku Log Rasmi. Syarikat hendaklah memastikan bahawa sebarang peristiwa yang berlaku di atas kapal di catat di dalam Buku Log Rasmi. Sekiranya sesuatu peristiwa memerlukan perhatian Jabatan Laut, syarikat perlu memajukan salinan catatan tersebut beserta dokumen-dokumen sokongan kepada Jabatan Laut dengan kadar segera.

7. Pemilik dan nakhoda kapal hendaklah mempamerkan notis ini berserta lampirannya di satu lokasi di atas kapal yang mudah dilihat dan dibaca. Lampiran 2 menggariskan fasal kontraktual umum yang terdapat dalam Artikel Perjanjian Anak Kapal melalui sistem talian SDPx.

the ship for records and inspection purpose. A sample of the ‘sign-on’ and ‘sign-off’ agreement is shown in Appendix 1.

4. A seafarer is required to produce evidence of the official ‘sign-on’ and ‘sign-off’ agreement for the purpose of endorsing his Service Record Book at the nearest Malaysian port office

5. For Malaysian seafarers engaged onboard foreign flag ships, the seafarers are required to show evidence of their service onboard foreign flag ships before the Malaysian Marine Department endorses their Service Record Book.

6. Subject to the provisions of Section 69 and 70 of the MSO52, section 198 requires an Official Log Book to be kept on board every ship. Companies shall ensure that any events occurring onboard ships shall be duly entered into the Official Log Book. Where such events require the attention of the Marine Department, the company shall forward the relevant entry in the official log book together with other supporting documents to the Marine Department at the earliest possible time.

7. Shipowner and master of the ship are required to display this notice and its attachments at a conspicuous place on board their ships. Appendix 2 details the general contractual clauses of the Article of Agreement stipulated in the online SDPx system.

Pengarah Laut / Director of Marine

Tarikh / Date : 18 June 2012



CREW CONTRACT OF AGREEMENT

Seksyen 99 Ordinan Perkapalan Saudagar 1952
(Section 99 of the Merchant Shipping Ordinance 1952)

SIGN ON

No. Passport <i>Passport Number</i>	: {Nombor Passport}		
No. Pendaftaran Pelaut <i>Seaman Registration No.</i>	: {Nombor Pelaut}		
No. Buku Perkhimatan <i>Discharge Book Number</i>	: {Nombor buku}		
Nama Pelaut <i>Name of Seaman</i>	: {Nama Penuh}		
No. Kad Pengenalan <i>Identity Card Number</i>	: {Nombor Kad Pengenalan}	Warganegara <i>Nationality</i>	: {Nama Negara}
Tarikh Lahir <i>Date Of Birth</i>	: {Tarikh Lahir}	Tempat Lahir <i>Place Of Birth</i>	: {Tempat Lahir}
Agama <i>Religion</i>	: {Agama}	Jantina <i>Sex</i>	: {Jantina}
No. Rasmi <i>Official No.</i>	: {Nombor Rasmi Kapal}	Nama Kapal <i>Name of Ship</i>	: {Nama Kapal}
Tandatangan anak kapal <i>Signature of Crew</i>	: <i>signature</i>	Tarikh Tandatangan <i>Date of Signing</i>	: {Tarikh}
Tempat Tandatangan <i>Place of Signing</i>	: {Nama Tempat}	Nombor Sijil <i>Certificate No</i>	: {Nombor Perakuan}
Gred Sijil <i>Certification Grade</i>	: {Gred Perakuan}	Negara Pengeluar <i>Issuing Country</i>	: {Nama Negara}
Nama Waris <i>Name of next of Kin</i>	: {Nama Waris}		
Pertalian <i>Relationship</i>	: {Pertalian}		
Alamat <i>Address</i>	: {Alamat Tempat Tinggal}		
Jawatan/Pangkat <i>Capacity/Rank</i>	: {Jawatan/Pangkat Diatas Kapal}	Gaji/Upah Sebulan <i>Wages Per Month</i>	: {MYR/USD/SGD}
Cuti Bergaji (hari) <i>Paid Leave (days)</i>	: {Jumlah Cuti Bergaji}	Bayaran Makanan (sehari) <i>Food Allowance (per-day)</i>	: {MYR/USD/SGD}
Fasal Tatatertib <i>Discipline Clause</i>	: 1-18		
Tandatangan Nakhoda <i>Signature Of Master</i>	: <i>signature</i>	Setem Rasmi Jabatan Laut <i>Official Stamp of Marine Department</i>	

{Nombor Rujukan Kapal}



{Nombor Rujukan}



CREW CONTRACT OF AGREEMENT

Seksyen 99 Ordinan Perkapalan Saudagar 1952
(Section 99 of the Merchant Shipping Ordinance 1952)

SIGN OFF

No. Passport <i>Passport Number</i>	:	{Nombor Passport}				
No. Pendaftaran Pelaut <i>Seaman Registration No.</i>	:	{Nombor Pelaut}				
No. Buku Perkhimatan <i>Discharge Book Number</i>	:	{Nombor buku}				
Nama Pelaut <i>Name of Seaman</i>	:	{Nama Penuh}				
No. Kad Pengenalan <i>Identity Card Number</i>	:	{Nombor Kad Pengenalan}	Warganegara <i>Nationality</i>		:	{Nama Negara}
Tarikh Lahir <i>Date Of Birth</i>	:	{Tarikh Lahir}	Tempat Lahir <i>Place Of Birth</i>		:	{Tempat Lahir}
Agama <i>Religion</i>	:	{Agama}	Jantina <i>Sex</i>		:	{Jantina}
No. Rasmi <i>Official No.</i>	:	{Nombor Rasmi Kapal}	Nama Kapal <i>Name of Ship</i>		:	{Nama Kapal}
Tempat Tandatangan <i>Place of Signing</i>	:	{Nama Tempat}	Tarikh Tandatangan <i>Date of Signing</i>		:	{Tarikh}
Gred Sijil <i>Certification Grade</i>	:	{Gred Perakuan}	Nombor Sijil <i>Certificate No</i>		:	{Nombor Perakuan}
Negara Pengeluar <i>Issuing Country</i>	:	{Nama Negara}				
Nama Waris <i>Name of next of Kin</i>	:	{Nama Waris}				
Pertalian <i>Relationship</i>	:	{Pertalian}				
Alamat <i>Address</i>	:	{Alamat Tempat Tinggal}				
Jawatan/Pangkat <i>Capacity/Rank</i>	:	{Jawatan/Pangkat Diatas Kapal}				
Sebab Pelepasan <i>Cause of Release</i>	:	{Sebab Pelepasan}				
Gaji/Upah Sebulan <i>Wages Per Month</i>	:	{MYR/USD/SGD}	Baki Gaji <i>Balance Wages</i>	:	{MYR/USD/SGD}	
Tandatangan Pelaut atas Pelepasan & Ikrar <i>Signature of Seaman on Release & Declaration</i>	:	<i>signature</i>	Tarikh Pelepasan <i>Date of Release</i>	:	{Tarikh Pelepasan}	
Tandatangan Nakhoda <i>Signature Of Master</i>	:	<i>signature</i>	Tempat Pelepasan <i>Place of Release</i>	:	{Nama Tempat}	
			Setem Rasmi Jabatan Laut <i>Official Stamp of Marine Department</i>			

{Nombor Rujukan Kapal}

{Nombor Rujukan}

**PERJANJIAN DAN SENARAI ANAK KAPAL
FASAL KONTRAKTUAL**

**AGREEMENT AND LIST OF CREW
CONTRACTUAL CLAUSES**

PERJANJIAN INI adalah dibuat di antara Nakhoda, bagi pihak *pemilik/pencarter (di sini masukkan nama Nakhoda dan *pemilik/pencarter dan alamat)

*THIS AGREEMENT is made between Master on behalf of the *owner/charterer (here insert the name of master and *owner/charterer and address).*

{MASTER_NAME}
{AUTHORIZED_NAME}
{ADDRESS}

(seterusnya dipanggil 'majikan') dan pelaut-pelaut yang nama mereka dimasukkan di dalam senarai anak kapal yang digabungkan di dalam perjanjian ini.

(herein called 'the employer') and each of the seamen whose name is included in the list of crew incorporated in this Agreement.

ADALAH DIPERSETUJUI BAHAWA :-

IT IS AGREED THAT :-

- (1) Perkerajaan
Majikan akan mengambil kerja setiap pelaut dan pelaut tersebut akan berkhidmat di jawatan dan kadar gaji yang dicatatkan terhadap namanya di dalam senarai anak kapal yang digabungkan di dalam Perjanjian ini.;
- (2) Pelayaran
Perjanjian ini adalah untuk pelayaran atau pelayaran-pelayaran di dalam (had geographika perlu dinyatakan seperti had perairan negeri, near-coastal, luar negeri)

- (1) Employment
The employer will employ each seaman and the seaman will serve in the capacity and at the rate of wages expressed against his name in the list of crew incorporated in this Agreement;
- (2) Voyage
This Agreement shall be for a voyage or voyages within (geographical limits to be stated, e.g. state limits, near coastal, foreign going)

{VOYAGE_LIMIT}

Dan tidak disambung melebihi tempoh tamat selama enam bulan dari tarikh penandatanganan pertama di atas Perjanjian ini atau pada masa kapal pertama kali tiba di pelabuhan yang terakhir ditujuinya (nama pelabuhan atau negara perlu dicatat e.g. Kuching atau Malaysia).

And not to extend beyond the expiration of six months from the date of the first signature to this Agreement or the time at which the ship first arrives at a port of final destination (port or country to be stated, e.g. Kuching or Malaysia)

{PORT_NAME}

Selepas tempoh tersebut atau setelah kargo dipunggah, setelah sampai di situ;

After that period or the discharge of cargo consequent on that return;

- (3) Menamat Perkhidmatan
Selepas sama ada –
- (a) satu pelayaran telah ditamatkan oleh pelaut di bawah Perjanjian ini; atau
- (b) satu bulan telah berlalu sejak mula bekerja di bawah Perjanjian ini bermula;

- (3) Termination of Service
After either –
- (a) one voyage has been completed by a seaman under this Agreement, or
- (b) one month has elapsed since a seaman's employment under this Agreement commenced;

Sama ada pelaut atau majikan boleh memberi kepada yang lain notis (bertulis atau lisan dengan bersaksi) untuk menamatkan pekerjaan pelaut di bawah Perjanjian ini, notis tersebut berkuatkuasa di pelabuhan dalam Malaysia dan perlu diberikan tidak kurang dari dua minggu (tidak termasuk hujung minggu dan Cuti Am) sama ada sebelum kapal dijadualkan tiba ke pelabuhan tersebut atau, jika pekerjaan akan ditamatkan di pelabuhan di mana kapal tersebut berada bila notis tersebut diberikan, sebelum kapal tersebut dijadualkan belayar.

either the seaman or the employer may give to the other notice (in writing or orally before a witness) to terminate the seaman's employment under this Agreement, such notice to take effect at a port in Malaysia and to be given not less than two weeks (exclusive of weekends and Public Holidays) either before the ship is due to arrive at that port or, if the employment is to terminate at the port where the ship is when notice is given, before it is due to sail.

- (c) Dalam hubungan terhadap seseorang pelaut Perjanjian ini boleh ditamatkan;
- (i) dengan persetujuan bersama;
- (ii) jika bukti kesihatan menunjukkan pelaut itu tak upaya meneruskan tugasnya atas sebab penyakit atau kecederaan;

- (c) *In relation to individual seaman this Agreement may be terminated.*
- (i) *by mutual consent;*
- (ii) *If medical evidence indicates that a seaman is incapable of continuing to perform his duties by reason of illness or injury;*

- (iii) dengan memberi notis mengikut peruntukan Perjanjian ini;
- (iv) jika pelaut tidak hadir tanpa cuti pada waktu yang ditetapkan untuk belayar;
- (v) jika, pada pendapat Nakhoda, menyambungkan kerja pelaut ini akan berkemungkinan membahayakan kapal atau orang di atas kapal.
- (4) (a) Gaji
- (i) Pelaut adalah berhak kepada gaji bulanan dibayar di dalam Ringgit Malaysia dan jumlahnya hendaklah dituliskan pada senarai anak kapal diruang yang ditentukan untuk setiap pelaut.
- (ii) Gaji pelaut hendaklah dibayar dipenghujung setiap bulan sama ada melalui tunai atau dibayar melalui bank yang dinamakan oleh seseorang pelaut dan majikan hendaklah menyediakan bagi setiap pelaut dengan resit akaun untuk setiap bulan.
- (b) Cuti
Pelaut adalah berhak mendapat cuti yang tidak kurang dari {LEAVE1} hari bagi setiap bulan bekerja terus menerus dengan kadar gaji yang ditetapkan oleh Perjanjian 4(a) (i) dan (ii) di atas. Kadar sama rata hendaklah dipakai.
- (c) Makanan/Bayaran Makanan
Majikan hendaklah menyediakan kepada anak kapal dengan makanan seperti yang terkandung di dalam Perjanjian ini dan hendaklah menyediakan air minuman yang bersih dan mencukupi untuk semua pelaut. Majikan boleh, jika dipersetujui oleh pelaut-pelaut, membayar setiap pelaut sejumlah yang tidak kurang dari {PAY1} seorang bagi menggantikan makanan.
- (5) Gaji Tidak Dibayar
Gaji tidak akan dibayar untuk waktu yang seorang pelaut itu enggan atau lalai bekerja bila diperlukan atau tidak hadir bekerja tanpa cuti atau mana-mana masa yang pelaut tidak dapat menjalankan tugas atau sebab sakit atau cedera yang disebabkan oleh sengaja melakukannya atau atas kesalahannya;
- (6) Salvej
Di dalam semua kes award salvage, seorang kadet yang belum tamat dua tahun perkhidmatan akan disamakan dengan Pelaut Biasa dan kadet yang telah berkhidmat melebihi dua tahun akan disamakan dengan jurumudi;
- (7) Tidak Kompeten
Seseorang pelaut yang tak kompeten di dalam menjalankan tugas di jawatannya yang ia pertama kali diambil di bawah Perjanjian ini boleh dipindahkan jawatan oleh Nakhoda dan ditukar ke tugas lain, tetapi pemindahan jawatan tidak akan memberi kesan terhadap upah/gaji di bawah Perjanjian ini.
- (8) Fasal Membinasakan Dengan Sengaja
Adalah juga dipersetujui bahawa sebarang pengenalan, membinasakan dengan sengaja atau lalai, sebarang barang kapal, kargo atau setor, hendaklah dibayar balik kepada pemilik melalui gaji orang yang bersalah tersebut.
- (9) Fasal Kontraban
Kesemua anak kapal secara bersama dan berasingan bersetuju bahawa, di dalam sebarang kes perjumpaan barang kontraban di kapal, dan denda dikenakan oleh pihak berkuasa berkenaan perkara tersebut, jumlah denda tersebut akan didapat kembali dari gaji pemilik atau pemilik-pemilik atau seseorang yang dijumpai menjaga barang tersebut, tetapi jika Nakhoda tidak berpuas hati terhadap pemilikan barang tersebut, denda tersebut akan, di bawah budibicara Nakhoda, didapat kembali permbahagian mengikut kadar gaji, sama ada dari anak kapal yang bekerja dibahagikan di mana barang kontraban itu dijumpai atau dari seluruh anak kapal.
- (10) Fasal Tatatertib
Adalah juga dipersetujui bahawa peraturan untuk mengawal tatatertib yang diluluskan oleh Menteri seperti dinyatakan di dalam dan dinomborkan {NO1}
- (iii) by appropriate notice in accordance with the provision of this Agreement;
- (iv) if a seaman is absent without leave at a time fixed for sailing;
- (v) if, in the opinion of the Master; the continued employment of the seaman would be likely to endanger the vessel or any person on board.
- (4) (a) Wages
- (i) The seaman shall be entitled to monthly wages payable in Malaysian Ringgit and the amount shall be written in the List of Crew column specified for each seaman.
- (ii) The wages shall be paid at the end of each month either by cash or paid to the nominated bank for each seaman and the employer shall furnish the seaman with a memorandum of account for each month.
- (b) Leave
The seaman shall be entitled to not less than {LEAVE2} days leave for each month of continuous service at the rate of pay fixed by this Agreement in 4(a)(i) and (ii) above. Pro-rata rates are to apply.
- (c) Provision/Subsistence
The employer shall provide the crew with provisions as stipulated under this agreement and shall provide adequate potable fresh water for all the seamen. The employer may, if the seamen agree, pay each seaman an amount of not less than {PAY2} or each day of service in lieu of the provisions.
- (5) Wages Not Paid
Wages will not accrue for any hours during which a seaman refuses or neglects to work when required or is absent without leave or for any period during which a seaman is incapable of performing his duties by reason of illness or injury which has been caused by his own willful act or default;
- (6) Salvage
In all cases of salvage awards, a cadet who has not completed two years service shall be deemed of the rating of an Ordinary Seaman and a cadet of two years service or over the rating of an Able Seaman;
- (7) Incompetency
Any seaman who incompetently performs his work in the capacity in which he was first employed under this Agreement may be rerated by the master and transferred to other duties, but re-rating shall not affect his remuneration under this Agreement;
- (8) Wilful Destruction Clause
It is agreed that any embezzlement or wilful or negligent destruction of any part of the ship, cargo or stores shall be made good to the owner out of the wages of the person guilty of the same.
- (9) Contraband Clauses
The said crew jointly and severally agreed that, in case of any contraband goods found on board, and a fine be imposed by the authorities in respect of the same, the amount of fine shall be recoverable from the wages of the owner or the owners or the person found in custodian of the said goods; but if the Master be not satisfied as to whom the goods belong, such fine shall, at the discretion of the Master, be recoverable rateably according to the rates of their wages, either from that portion of the crew belonging to the department in which contraband goods shall have been discovered or from the whole crew.
- (10) Discipline Clauses
It is also agreed that the regulations for maintaining discipline approved by the Minister as printed herein and numbered {NO2} (inclusive) are adopted by the parties.

(meliputi) diterima pakai oleh semua pihak di sini, dan akan dikira sebagai termaktub di dalam Perjanjian ini, dan juga dipersetujui bahawa jika terdapat anak kapal yang menganggap dirinya terkilan oleh sebarang kemungkinan perjanjian atau sebaliknya, beliau perlu membuat representasi ke Nahkoda atau Pegawai yang berkuasa tentang perkara tersebut dengan senyap dan tertib, dan Nahkoda atau Pegawai yang berkuasa akan mengambil tindakan yang sesuai terhadap perkara tersebut.

- (11) Fasal Repatriasi
Nahkoda, bagi pihak pemilik, juga bersetuju dengan anak kapal yang tercatat di sini dan perihal mereka terkandung di dalam ini bahawa apabila dilepaskan di pelabuhan selain dari pelabuhan Perjanjian di Malaysia atau tempat lain, Nahkoda atau pemilik kapal dikehendaki menyediakan mereka pekerjaan yang sesuai atau perjalanan pulang percuma ke pelabuhan Perjanjian atau ke bandar tempat tinggal mereka atau pun mengikut persetujuan lain yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.
- (12) Fasal Pembayaran ganti Belanja Kerajaan
Nahkoda bagi pihak pemilik kapal juga bersetuju untuk membayar ganti kepada Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Negeri semua perbelanjaan yang mungkin dibelanjakan terhadap anak kapal yang dilepaskan atau ditinggalkan di mana-mana pelabuhan dan menjadi distress.
- (13) Setiap pelaut bersetuju:-
- (a) Kelakuan
Untuk berkelakuan dengan teratur, taat, jujur dan tidak mabuk dan sentiasa berwaspada semasa menjalankan tanggungjawab masing-masing dan untuk mematuhi sebarang perintah yang sah dari Nahkoda, atau orang yang mengambil alih secara sah tugas Nahkoda dan pegawai kanan, di dalam semua hal bersangkutan kapal, setor, dan kargo, sama ada di atas kapal, bot atau darat; bagi kerja yang akan dilakukan, Nahkoda akan membayar kepada anak kapal, sebagai gaji, jumlah wang yang dicatatkan bersama nama masing-masing dan akan memberi makanan dan minuman mengikut kadar yang disematkan atau memberi elaun makan atau sebaliknya;
- (b) Menaiki Kapal
Untuk menaiki kapal pada waktu yang ditetapkan oleh Nahkoda dan seterusnya dalam masa ia bekerja untuk menaiki semula kapal pada waktu yang ditetapkan oleh Nahkoda;
- (c) Menanam Cacar
Untuk menyerahkan bagi menanam cacar, suntikan dan pencegahan lain untuk kesihatan yang mungkin diarah oleh Nahkoda;
- (d) Tanggung Majikan
Sekiranya majikan menjadi bertanggung kepada sebarang belanja di bawah Ordinan-Ordinan Perkapalan Saudagar, Seksyen 166 tahun 1952 dan Seksyen 88 tahun 1960, memberikan majikan segala kemudahan untuk mendakwa atas namanya sebarang tuntutan bagi perbelanjaan tersebut dan membenarkan majikan menggunakan budi bicara yang patut di dalam menjalankan sebarang prosiding untuk menyelesaikan sebarang tuntutan bersangkutan dengan perbelanjaan tersebut;
- (e) Perlindungan Peralatan
Mengambil semua langkah di dalam kuasanya untuk melindungi peralatan dan harta kapal di dalam keadaan baik;
- (f) Pemulangan Barang
Memulangkan di dalam keadaan baik (haus dan koyak yang berpatutan dikecualikan) sebelum menamatkan perjanjian semua barang yang diberikan untuk kegunaan peribadi semasa pelayaran oleh majikannya;
- (g) Setor dan Bekalan
Bahawa semua setor dan bekalan yang dikeluarkan kepada anak kapal adalah untuk kegunaan dan dimakan di atas kapal dan sebarang setor atau bekalan yang tidak digunakan atau dimakan adalah masih dimiliki oleh majikan;

Hereto, and shall be considered as embodied in this Agreement, and it is also agreed, that if any member of the crew consider himself to be aggrieved by any breach of the Agreement or otherwise, he shall represent the same to the Master or Officer in charge of the ship in a quiet and orderly manner, who shall thereupon take such steps as the case may require.

- (11) Repatriation Clause
The Master on behalf of the owners also agrees with the said crew whose names are hereto subscribed, and whose identification are contained herein that upon their discharge at a Port other than a port of engagement in Malaysia or elsewhere, the Master or owner of the said vessel shall provide them respectively fir employment or a free passage to the port at which they were engaged or to the home town of the said crew, or upon such other terms as may be mutually agreed upon.
- (12) Reimbursement of Government Expenses
The Master, on behalf of the owners of the said vessel, also agrees to repay the Government of Malaysia or any State Government all expenses which it may incur in respect of any such crew or others who be discharged or left behind at any Port and becomes distressed.
- (13) Each seaman agrees:-
- (a) Conduct Clause
To conduct themselves in an orderly, faithful, honest and sober manner, and to be at all times diligent in their respective duties, and to be obedient to the lawful command to of the Master or of any person who shall lawfully succeed him, and of their superior officers, in everything relating to the said ship, stores, and cargo thereof, whether on board, in boats, or onshore; in consideration of which services to be fully performed, the said Master hereby agrees to pay the said crew, as wages, the sum against their names respectively expressed, and to supply them with the provisions according to the annexed scale or to meal allowances or vice versa;
- (b) Joining Ship
To join the ship by the time specified by the Master and subsequently during the period of his employment to rejoin the ship by the time specified by the Master;
- (c) Inoculation
To submit to inoculation, vaccination and any other health precautions as may be directed by the Master;
- (d) Employer's Expenses
In the event of the employer becoming liable for any expenses under Merchant Shipping Ordinances, Section 166 of 1952 and Section 88 of 1960, to afford the employer every facility to prosecute in his name any claim in respect of such expenses and to allow the employer reasonable discretion in the conduct of any proceedings for the settlement of any claim in respect of such expenses;
- (e) Preservation of Equipment
To take all steps within his power to preserve in good condition the equipment of the ship and all property on board;
- (f) Return of Articles
To return in good condition (fair wear and tear excepted) before the termination of his engagement all articles provided for his personal use during the voyage by the employer
- (g) Stores and Provisions
That all stores and provisions issued to the crew are only for use and consumption on board the ship and any unused or unconsumed stores or provision remain the property of the employer;

- (h) Kebersihan Bilik
Menjaga tempat tinggalnya bersih dan kemas dan bersedia untuk diperiksa oleh Nakhoda atau pegawai yang diarahnya; dan
- (i) Kebersihan Bilik Semasa Berhenti
Pada masa pelaut akhirnya meninggalkan kapal dipenamatan pekerjaannya di bawah Perjanjian ini, beliau dikehendaki meninggalkan tempat tinggalnya di dalam keadaan bersih dan tertib sehingga Nakhoda (atau timbalan yang diberi kuasa) berpuashati. Bila pelaut itu bersedia untuk meninggalkan kapal, Nakhoda (atau timbalan yang diberi kuasa) hendaklah, apabila dimohon oleh pelaut, mengeluarkan kepada pelaut satu sijil bahawa tempat tinggalnya bersih.
- (14) Majikan bersetuju:-
- (a) Pelepasan Kerana Kenaikan Pangkat
Jika seseorang pelaut itu menunjukkan dan Nakhoda atau majikannya berpuashati bahawa pelaut ini boleh memerintah sebuah kapal atau menjawat sebagai malim atau jurutera atau jawatan lain yang lebih tinggi dari jawatan hakikinya, atau sebab-sebab lain telah berbangkit sejak beliau berkhidmat yang amat memerlukan kepada hal dirinya bahawa beliau perlu mendapat pelepasan dari Perjanjian ini dengan syarat tiada tambahan kepada perbelanjaan dipihak majikan dan juga pihak majikan atau agennya berpuashati dengan pengganti yang cekap dan boleh diharap untuk menggantinya. Di dalam keadaan demikian pelaut tersebut berhak mendapat gaji sehingga ke waktu meninggalkan pekerjaannya;
- (b) Berhenti Tanpa Persetujuan
Jika pelaut itu dilepaskan selain dari mengikut syarat Perjanjian ini sebelum pelayaran bermula, atau sebelum satu bulan gaji sempat diterimanya di bawah ini, tanpa kesalahan dipihak pelaut yang memberi alasan pelepasannya atau tanpa persetujuannya, maka beliau berhak menerima dari majikan sebagai tambahan kepada sebarang gaji yang patut diterimanya sehingga ke waktu beliau dilepaskan, satu per tiga puluh dari gaji bulannya bagi setiap hari di mana gaji pokoknya patut dibayar mengikut Perjanjian Anak Kapal bagi setiap hari sehingga beliau mendapat kerja yang sesuai oleh majikan, tertakluk kepada had maksima di bawah fasal ini yang tidak melebihi satu bulan gaji mengikut Perjanjian ini;
- (c) Perselisihan Gaji
Di mana terdapat perselisihan tentang jumlah wang yang perlu dibayar kepada pelaut di bawah Perjanjian ini, Nakhoda dikehendaki, jika pelaut inginkan bersetuju untuk perselisihan dirujuk kepada Penguasa, atau Pegawai Pelabuhan atau Pegawai Konsul untuk keputusan.
- (15) Pampasan
- (a) Pampasan mestilah dibayar bagi kematian dan kecederaan kepada semua pelaut dan Nakhoda yang tidak dilindungi oleh Akta Pampasan Pekerja. Orang-orang tersebut adalah berhak kepada pampasan yang tidak kurang dari yang diperuntukkan di dalam Akta Pampasan Pekerja.
- (b) Pampasan mestilah dibayar untuk barang persendirian pelaut dan Nakhoda yang mungkin kehilangan barang persendirian akibat dari kapal tenggelam atau kebakaran di atas kapal dengan syarat jumlah tidak melebihi RM5,000.00
- (h) Cabin Cleanliness
To keep his quarters clean and tidy and in readiness for inspection by the Master or Officer deputed by him; and
- (i) Cabin Cleanliness on Termination
At the time when the seaman finally leaves the ship at the termination of his employment under this Agreement, to leave his quarters in a clean and orderly condition to the satisfaction of the Master (or his authorized deputy). When he is ready to leave the ship, the Master (of his authorized deputy) shall, on request made by the seaman, issue to the seaman a certificate that the quarters are clean.
- (14) The employer agrees:-
- (a) Promotion and Discharge
That if a seaman shows to the satisfaction of the Master or the employer that he can obtain the command of a ship or an appointment as mate or engineer or to any post of higher grade than he actually holds, or that any other circumstance have arisen since his engagement which renders it essential to his interests that he should be permitted to take his discharge provided that without increased expense to the employer and to the satisfaction of the employer or his agent he furnishes a competent and reliable man in his place. In such case the seaman shall be entitled to his wages up to the time of leaving his employment;
- (b) Discharge With Consent
If a seaman is discharged otherwise than according to the terms of this Agreement before the commencement of the voyage, or before the month's wages are earned by him hereunder, without fault on his part justifying his discharge or without his consent, then he shall be entitled to receive from the employer in addition to any wages he may have earned up to the time of his discharge, one thirtieth of his monthly wage for each day for which basic pay would have been paid under the Crew Agreement for each day until he shall have been offered suitable employment by the employer, provided always that his maximum entitlement under this clause shall not exceed one month's wages under this Agreement;
- (c) Dispute in Wages
Where this is dispute relating to the amount payable to a seaman employed under this Agreement, the Master will, if the seaman desires, agree to the dispute being referred to the Superintendent or Port Officer or Consular Officer for decision.
- (15) Compensation
- (a) *Compensation shall be payable for death and injury for all seaman and Master who are not covered under the Workmen's Compensation Act. Such person shall be entitled to compensation not less than what is provided for in the Workmen's Compensation Act.*
- (b) *Compensation shall be payable for personal effects for all seaman and master who may suffer loss of personal effects due to loss of vessel or as a result of fire on board subject to a maximum of RM5,000.00*

(16) Fasal Tambahan

(16) Additional Clauses

{ADDITIONAL_CLAUSES}

Secara bersaksikan kepada pihak-pihak yang telah mencatatkan nama-nama mereka di sini, pada tarikh-tarikh dicatatkan bersamaan tandatangan mereka.

In witness whereof the said parties have subscribed their names herein, on the days mentioned against their respective signatures.

Penandatanganan di bawah adalah mewakili pemilik/pencarter
The signature below is representing the owner/charterer

Ditandatangani oleh :
Signature

Name Nakhoda : {MASTER_NAME}
Name of Master

Tarikh : {DATE}
Date

Tempat : {PLACE}
Place

No.	Kesalahan Offence	Amaun denda Amount of Fine	T/tangan Pegawai Pelabuhan / Konsular Signature of Port/Consular Officer
1.	Tidak berada di atas kapal pada masa yang ditetapkan dalam perjanjian. <i>Not being on board at the time fixed by the agreement.</i>	Dua hari gaji <i>Two days' pay</i>	
2.	Tidak kembali di atas kapal bila tamat tempoh cuti. <i>Not returning on board at the expiration of leave.</i>	Dua hari gaji <i>Two days' pay</i>	
3.	Megguna bahasa biadap atau menghina atau berkelakuan sedemikian terhadap Nakhoda atau Pegawai. <i>Insolence or contemptuous language or behaviour towards the Master or Officers.</i>	Dua hari gaji <i>Two days' pay</i>	
4.	Memukul atau menyerang seseorang di atas kapal atau kepunyaan kapal (jika belum didakwa). <i>Striking or assaulting any person on board or belonging to the ship (if not otherwise prosecuted).</i>	Dua hari gaji <i>Two days' pay</i>	
5.	Bergaduh atau menghasut. <i>Quarrelling or provoking to quarrel.</i>	Sehari gaji <i>One day pay</i>	
6.	Menyumpah atau mengguna bahasa kesat. <i>Swearing or using improper language.</i>	Sehari gaji <i>One day pay</i>	
7.	Membawa atau memiliki minuman keras. <i>Bringing or having on board spirituous liquors.</i>	Tiga hari gaji <i>Three days' pay</i>	
8.	Membawa dan memiliki senjata api, kerambit, rotan berisi timah, pelantar batu, senjata kayu, pisau bowie atau senjata merbahaya tanpa persetujuan Nakhoda – setiap hari seorang pelaut menyimpan bentuk tersebut. <i>Taking on board and keeping possession of any fire arm, knuckle – duster, loaded cane, sling shot, swordstick, bowie knife, dagger, or any other offensive weapon or offensive instrument without the concurrence of the Master – for every day during which a seaman retains that weapon or instrument.</i>	Sehari gaji <i>One day pay</i>	
9.	Mabuk – kesalahan pertama. <i>Drunkennes – first offence.</i>	Sehari gaji <i>One day pay</i>	
10.	Lalai dalam tugas dengan sengaja atau tidak mematuhi arahan Nakhoda atau Pegawai. <i>Neglect of duty or willful disobedience to lawful command of the Master or Officers.</i>	Dua hari gaji <i>Two days' pay</i>	
11.	Tidur atau Cuai semasa tugas pengawasan dianjung. <i>Sleeping or negligence while on the look-out.</i>	Tujuh hari gaji <i>Seven day's pay</i>	
12.	Tidak memadam api pada masa diarahkan. <i>Not extinguishing lights at the times ordered.</i>	Sehari gaji <i>One day pay</i>	
13.	Merokok di tempat larangan. <i>Smoking in unauthorized places.</i>	Dua hari gaji <i>Two days' pay</i>	
14.	(Untuk tukang masak) – Tidak menyajikan makanan anak kapal pada masa yang ditetapkan. <i>(For the cook) – Not having any meal of the crew ready at the appointed time.</i>	Sehari gaji <i>One day pay</i>	
15.	Menyembunyi barang-barang seludupan atas kapal dengan niat menyeludup. <i>Secreting contraband goods on board with intent to smuggle.</i>	Sebulan gaji <i>One month pay</i>	
16.	Memusnah atau merenyuk salinan perjanjian yang dipapar kepada krew. <i>Destroying or defacing the copy of the agreement which is made accessible to the crew.</i>	Dua hari gaji <i>Two days' pay</i>	
17.	Tidak hadir tanpa cuti (jikalau tidak diambil tindakan mengikut undang-undang) untuk setiap hari dalam tempoh ketiadaan. <i>Absence without leave (if not otherwise dealt with according to law) for each day on which such absence occurs.</i>	Dua hari gaji <i>Two days' pay</i>	
18.	Bersuhabat dengan pelaut-pelaut lain atau perentis:- (a) tidak mematuhi perintah di laut. (b) cuai di laut. (c) Menghalang pelayaran kapal atau perjalanan pelayaran kapal. <i>Conspiring with another seaman or Apprentice –</i> (a) <i>to disobey lawful commands at sea</i> (b) <i>to neglect duty at sea</i> (c) <i>to impede the navigation of his ship or the progress of a voyage or his ship.</i>	Dua hari gaji <i>Two days' pay</i>	